

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Tuesday, 30 August, 2016 4:10 PM
To: UUM - All Staff
Subject: AFIF WAKILI MALAYSIA KE KEJOHANAN ASIA-PACIFIC AMATEUR CHAMPIONSHIP 2016 DI KOREA



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia



30 OGOS 2016/27 ZULKAEDAH 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamu'alaikum wrh.wbt dan Salam Sejahtera.
YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

AFIF WAKILI MALAYSIA KE KEJOHANAN ASIA-PACIFIC AMATEUR CHAMPIONSHIP 2016 DI KOREA

Oleh: Unit Media UUMNGA



UUM SINTOK 30 Ogos : Pelajar Akademi Golf Nasional Muhammad Afif Muhammad Razif sekali lagi membuktikan kredibilitinya sebagai pemain golf terbaik amatir negara apabila terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Asia-Pacific Amateur Championship yang akan diadakan pada 3 -10hb Oktober 2016 di Jack Nicklaus Golf Club, Korea.

Pemilihan Afif adalah berdasarkan kedudukan ranking dalam World Amateur Golf Ranking (WAGR) yang mana turut disertai oleh empat (4) lagi rakan dari Malaysian Golf Association (MGA).

Afif ketika diminta mengulas pilihannya ke kejohanan tersebut berkata, “Saya sangat gembira dengan pemilihan ini dan berharap dapat buat yang terbaik untuk mengharumkan nama universiti dan negara.”

Tambah Afif lagi,” Saya akan menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin kerana pemenang kejohanan akan mendapat peluang untuk bermain di Kejohanan Masters 2017 yang akan diadakan di Augusta National Golf Club, Georgia, Amerika Syarikat.”

“Afif seharusnya mengambil kesempatan ini sebaik mungkin dan peluang untuk bermain di Kejohanan Masters adalah peluang sekali dalam seumur hidup yang menjadi impian setiap pemain amatir untuk bermain di kejohanan tersebut.”

“Sekiranya Afif berjaya di Asia-Pacific Amateur Championship peluang untuk bermain bersama-sama pemain golf profesional terbaik dunia seperti Rory Mcilroy, Adam Scott, Jason Day dan ramai lagi di Kejohanan Masters akan tercapai. “ulas Pengarah AGN Prof Madya Dr. Azman Yasin.

Pemilihan Afif cukup membanggakan dan diharapkan Afif dapat menampilkan permainan terbaik seperti mana ketika mewakili negara ke 16th World University Golf Championship di Perancis pada Jun yang lalu. Pihak pengurusan AGN mengucapkan selamat jalan dan selamat maju jaya kepada Afif.

HABIS.

Daripada:

AKADEMI GOLF NASIONAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH
TEL: 04-9283591/3596
FAKS: 04-9283592

